

# **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2021-2025 (OACP)**

**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMAKAN SEMULA  
SEPARUH PENGGAL**



**BAHAGIAN INTEGRITI  
CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT  
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**AMANAT**

**YBHG. DATO' Ir. HAJI BADIOEZAMAN BIN AB KHALIK  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA (SEKTOR BANGUNAN)  
MENJALANKAN TUGAS  
KETUA PENGARAH KERJA RAYA**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera,*



Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya, Jabatan Kerja Raya berjaya membangun dan menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi atau lebih dikenali sebagai Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) 2021-2025. Inisiatif serta pelan tindakan yang telah dibina merangkumi jangka masa selama lima (5) tahun ini telah mendapat kerjasama daripada seluruh warga JKR dalam memastikan pelan tindakan tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efektif. Syabas saya ucapan kepada semua Ahli Jawatankuasa dilantik serta Bahagian Integriti JKR yang telah

bersama-sama memastikan Laporan Semakan Semula Separuh Penggal Pelan OACP JKR 2021-2025 ini dapat diterbitkan. Saya menyeru kepada semua warga JKR untuk bersama-sama menghayati, membudaya serta memperkasakan integriti bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih telus dan berintegriti.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Ir. Haji Badioezaman Bin Ab Khalik".

---

**YBHG. DATO' Ir. HAJI BADIOEZAMAN BIN AB KHALIK  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA (SEKTOR BANGUNAN)  
MENJALANKAN TUGAS  
KETUA PENGARAH KERJA RAYA  
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

## **PERUTUSAN PENGARAH CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT**



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat ilahi kerana dengan izin dan rahmatnya, hasil daripada penilaian ke atas pencapaian inisiatif OACP yang telah dilaksanakan selama tiga tahun sejak tahun 2021, maka dokumen Laporan Semakan Semula Separuh Penggal OACP ini dapat dikeluarkan. Ini adalah hasil komitmen dan kerjasama yang padu daripada semua peneraju dan juga semua ahli jawatankuasa yang telah dilantik. Pihak Jabatan sentiasa menyahut seruan Kerajaan dalam memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Kedudukan Malaysia adalah di tangga ke-57 pada tahun 2023 berbanding berada di kedudukan ke-61 pada tahun 2022 di dalam Indeks global membabitkan 180 negara di seluruh dunia. Pihak Jabatan berharap Pelan OACP ini dapat membantu kejayaan Malaysia memperbaiki kedudukan dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) bagi tahun 2024 dan seterusnya. Melalui pelan yang telah dibangunkan ini diharap mampu meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran Kerajaan sekaligus mengurangkan amalan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa melalui program-program yang akan dilaksanakan dan membuat penambahbaikan atau pembentukan program baharu yang lebih sesuai. Akhir kata, marilah kita bersama-sama berjanji dan berikrar agar amalan berintegriti dan beretika sentiasa di dalam ingatan dan menjadi amalan kita serta meletakkan agenda antirasuah sebagai keutamaan sekaligus menjadikan JKR sebagai jabatan bebas rasuah. RASUAH DIHINA MARUAH DIBINA.

  
**YBHG. DATO' IR. TS. HAJI MASRI BIN BAHRUDDIN**  
**PENGARAH CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT**  
**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**



## PRAKATA KETUA BAHAGIAN INTEGRITI

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana melalui kerjasama semua pihak akhirnya Jabatan Kerja Raya mampu membentuk dan menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang komprehensif di peringkat jabatan di mana ia merupakan salah satu usaha jabatan dalam mendukung aspirasi Kerajaan. Melalui pelan OACP ini, diharap mampu menangani permasalahan dan kelemahan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam jabatan. Pembangunan pelan asal OACP ini juga merupakan inisiatif yang telah digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Pelan asal yang dibangunkan telah mengambil kira semua bidang dan aktiviti yang terdapat dalam jabatan serta pandangan daripada Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dan khidmat nasihat kepakaran daripada Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Manakala pembangunan Laporan Semakan Semula Separuh Penggal OACP ini telah mendapat kerjasama daripada semua peneraju dan ahli Jawatankuasa OACP yang telah dilantik. Semoga semua inisiatif di dalam pelan ini dapat dilaksanakan dan sedikit sebanyak dapat menunjukkan kesungguhan jabatan dalam menangani permasalahan integriti dan rasuah supaya kualiti penyampaian penjawat awam dapat ditingkatkan seterusnya menjaga nama baik jabatan.

---

**MOHD NIZAM BIN DIN**  
**KETUA BAHAGIAN INTEGRITI**  
**CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT**  
**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Penerbitan Laporan Semakan Semula Separuh Penggal Pelan OACP ini adalah selaras dengan fokus negara dalam memastikan usaha pemantapan tatakelola dalam sistem pengurusan pentadbiran dan memastikan jabatan berjaya keluar dari kancah rasuah yang boleh membinaaskan negara. Laporan ini berjaya dihasilkan dan menjadi rujukan semua warga Jabatan ke atas pencapaian dan penambahbaikan berterusan yang diambil dalam menjadikan negara bergerak menuju era kemajuan berlandaskan organisasi yang utuh tanpa terpalit dengan permasalahan salahlaku dan rasuah supaya kualiti penyampaian penjawat awam dapat ditingkatkan seterusnya menjaga nama baik jabatan.

**Bab 1** memberi tumpuan kepada latar belakang laporan ini diterbitkan dan langkah yang telah dilaksanakan oleh Jabatan dalam menambahbaik usaha dalam menjadikan JKR sebuah Jabatan yang bebas rasuah sebagaimana Visi pelan Anti Rasuah Jabatan (OACP). Seiring dengan Perubahan dasar semasa kerajaan khususnya agenda pengukuhan tatakelola, integriti, antirasuah, laporan ini menggariskan inisiatif-inisiatif baharu sebagai tambahan ke atas inisiatif OACP sedia ada.

**Bab 2** memberi tumpuan kepada inisiatif-inisiatif OACP sedia ada dan baharu. Kesemua inisiatif ini adalah terangkum di bawah lima (5) bidang keutamaan iaitu Pengurusan Projek, Pentadbiran, Sumber Manusia, Tadbir Urus dan Perolehan & Kewangan dengan lima (5) strategi yang khusus. Daripada lima (5) strategi, terdapat 40 inisiatif yang akan diteruskan pemantauan dan penilaian pencapaian sehingga tahun 2025.

**Bab 3** adalah kesimpulan kepada laporan Semakan Semula Separuh Penggal OACP.

# OACP

## ISI KANDUNGAN

### PENGENALAN

- LATAR BELAKANG JABATAN
- RINGKASAN KAJIAN SEMULA SEPARUH PENGGAL
- MEKANISME PELAKSANAAN
- SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN OACP

### MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JKR 2021-2025
- ANALISIS KUADRAN OACP JKR
- PENEKANAN INISIATIF
- PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN

### KESIMPULAN

# **BAB 1**

# **PENGENALAN**

## **LATAR BELAKANG SEMAKAN SEMULA SEPARUH PENGGAL PELAN OACP**

Laporan semakan semula separuh penggal OACP yang dikeluarkan ini adalah seiring dengan mandat yang diberi iaitu bahawa OACP adalah dokumen yang merentas masa (*living document*). Pembangunan laporan ini dikeluarkan pada tahun 2023 setelah mencapai dua tahun pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam OACP 2021-2025. Perubahan dasar semasa dalam pentadbiran kerajaan susulan dalam perubahan pucuk pimpinan negara juga diambil kira dalam menyediakan laporan ini dengan memurnikan inisiatif sedia ada selain daripada mengenalpasti tahap pencapaian dan penambahbaikan yang berterusan.

Semakan Semula Separuh Penggal OACP JKR telah dilaksanakan dalam dua fasa bagi tempoh Oktober 2023 – April 2024. Fasa 1 meliputi semakan awal kajian semula OACP dan fasa 2 merangkumi konsultasi, semakan dan perakuan draf akhir semakan semula separuh penggal OACP JKR Malaysia.

Bahagian Integriti, JKR telah mengadakan perbincangan secara ‘one-to-one’ dengan semua peneraju dalam memurnikan inisiatif sedia ada dan juga menaiktaraf inisiatif yang telah matang supaya pencapaian OACP lebih berkesan. Semua inisiatif yang telah dimurnikan telah dibentangkan semasa Mesyuarat Penyelaras Inisiatif Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JKR Malaysia yang mana mesyuarat tersebut melibatkan penyertaan daripada semua peneraju. Hasil daripada itu, jumlah inisiatif bagi kajian semula OACP adalah 40 berbanding 47 inisiatif asal hasil komitmen dan kerjasama yang padu daripada peneraju-peneraju. Terdapat 10 inisiatif digugurkan dan 5 pertambahan inisiatif baru.

Kesemua 40 inisiatif ini akan dilaksanakan oleh semua peneraju berdasarkan bidang keutamaan masing-masing bermula tahun 2024. Manakala Bahagian Integriti akan memantau kemajuan dan prestasi pelaksanaannya. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) versi semakan semula separuh penggal telah berjaya dihasilkan untuk menjadi rujukan semua warga Jabatan dalam usaha pengukuhan integriti, antirasuah dan tata kelola yang baik.

# RINGKASAN KAJIAN SEMULA SEPARUH PENGGAL

## SEBELUM SEMAKAN SEMULA



**47**  
INISIATIF DI  
BAWAH BIDANG  
KEUTAMAAN  
OACP

10 PENGURUSAN PROJEK

11 PENTADBIRAN

9 SUMBER MANUSIA

11 TADBIR URUS

6 PEROLEHAN &  
KEWANGAN

## SELEPAS SEMAKAN SEMULA



**40**  
INISIATIF DI  
BAWAH  
BIDANG  
KEUTAMAAN  
OACP

7 PENGURUSAN PROJEK

9 PENTADBIRAN

7 SUMBER MANUSIA

10 TADBIR URUS

7 PEROLEHAN &  
KEWANGAN

INISIATIF			
GUGUR	PINDA	BARU	KEKAL
10	18	5	18

### NOTA:

- 5 Inisiatif baharu yang terkandung di dalam laporan ini ditandakan ( \* ) untuk rujukan.
- ( ) merujuk kepada nombor inisiatif asal dalam Pelan Antirasuah Organisasi JKR Malaysia 2021-2025

## **MEKANISME PELAKSANAAN**

OACP dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan kerjasama di antara pihak pengurusan tertinggi jabatan, warga jabatan dan pemegang taruh untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara berkesan dan sistematik.

Jawatankuasa Pembangunan OACP telah ditubuhkan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019- Pemantapan Governans, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia. Pada tahun 2023, terdapat arahan terkini iaitu Arahan Perdana Menteri No.1 Tahun 2023- Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional.

Dalam mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa dipantau. Pemantauan dan penilaian merupakan amalan penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil memenuhi jangkaan dan matlamat OACP. Amalan ini akan melibatkan semua pihak berkepentingan dalam melaksanakan strategi dan inisiatif yang dirangka.

Pengurusan Tertinggi JKR hendaklah memastikan kebolehlaksanaan OACP diperkuuhkan dengan tindakan berikut:

- Mengkoordinasi, memantau, menilai dan melaporkan pencapaian OACP;
- Memastikan setiap pelan tindakan dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan;
- Memastikan pematuhan setiap pelan tindakan OACP oleh semua peneraju yang dikenalpasti;

## **SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN OACP**

Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan OACP hendaklah dilaksanakan pada setiap tahun sekali bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul.

- Pelan tindakan yang dirangka hendaklah dilaksanakan mengikut sebagaimana yang dirancang supaya dapat mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Tindakan pembaharuan OACP hendaklah dilaksanakan pada akhir tahun ke-4 dan dikeluarkan pada tahun berikutnya.

Setiap visi dan misi OACP JKR perlu kesinambungan pada tahun-tahun berikutnya.

## **BAB 2**

# **MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH**

# **KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JKR**

## **2021-2025**

<b>VISI</b>	Ke arah bebas rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.				
<b>MISI</b>	Meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan pentadbiran berteraskan prinsip tatakelola, integriti dan antirasuah.				
<b>MATLAMAT</b>	Meningkatkan tadbir urus dan integriti di kalangan warga jabatan.				
<b>BIDANG KEUTAMAAN</b>	<b>PENGURUSAN PROJEK</b>	<b>PENTADBIRAN</b>	<b>SUMBER MANUSIA</b>	<b>TADBIR URUS</b>	<b>PEROLEHAN &amp; KEWANGAN</b>
<b>STRATEGI</b>	Memperkuatkan Kecekapan Penyampaian Projek	Memperkuatkan Kecekapan Dan Ketelusan Pentadbiran	Memperkasakan Sistem Pengurusan Sumber Manusia	Memperkasakan Kebertanggungjawaban dan Integriti Organisasi	Mempertingkatkan Keberkesan dan Ketelusan Perolehan

## **BIDANG KEUTAMAAN**

Laporan ini mengandungi 40 inisiatif keseluruhan dengan penekanan ke atas lima (5) bidang keutamaan masih dikekalkan dalam Laporan Semakan Semula Separuh Penggal ini seperti berikut:



### **1. PENGURUSAN PROJEK**

Pengurusan projek merupakan satu pengurusan yang melibatkan pembangunan, perubahan dan inovasi dalam kerja operasi. Ia merangkumi aktiviti seperti merancang dan pengawalan sesuatu projek dengan bergantung kepada kekangan belanjawan supaya projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

### **2. PENTADBIRAN**

Dalam pentadbiran awam di Malaysia berperanan dalam membentuk dasar-dasar dan peraturan untuk memperkasakan tadbir urus yang berkualiti, dinamik, dan cekap. Antara ciri-ciri tadbir urus dalam pentadbiran adalah ketulusan, keberkesan, kecekapan, akauntabiliti dan responsif dalam memenuhi kehendak rakyat dan kelancaran sesuatu badan atau organisasi.

### **3. SUMBER MANUSIA**

Pengurusan sumber manusia merujuk kepada falsafah, polisi, prosedur dan amalan-amalan yang berkaitan dengan pengurusan pekerja dalam sesebuah organisasi. Pengurusan sumber manusia melibatkan aktiviti merekrut, memilih, melatih dan membangunkan pekerja-pekerja organisasi tersebut. Tujuan pengurusan sumber manusia adalah untuk memastikan bahawa orang yang diambil bekerja digunakan secara cekap dan berkesan dalam menyumbang untuk mencapai objektif organisasi.

#### **4. TADBIR URUS**


Tadbir urus baik merupakan salah satu konsep yang sering diperkatakan dalam bidang pentadbiran. Tadbir urus baik sebenarnya ialah satu terma yang dapat digunakan untuk menerangkan tentang sebuah kerajaan yang dinamik. Selain cuba memenuhi keperluan pelbagai pihak, pentadbiran awam juga sentiasa berubah seiring dengan masa dan perubahan global. Ini membolehkannya menangani cabaran semasa di samping menangani perubahan yang akan berlaku pada masa hadapan.

#### **5. PEROLEHAN DAN KEWANGAN**

Bahagian Kewangan bertindak dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran kewangan, belanjawan, pembayaran serta memastikan pengurusan kewangan jabatan berjalan dengan cekap dan teratur serta selaras mengikut Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan, Pekeliling Perkhidmatan dan lain-lain peraturan atau prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa.

## ANALISIS KUADRAN OACP JKR

Analisis kuadran di bawah menunjukkan keutamaan bagi 20 inisiatif yang dikenal pasti daripada 40 inisiatif berdasarkan analisis kumpulan data yang diperoleh. 20 inisiatif ini ditentukan berdasarkan tahap impak dan kompleksiti pelaksanaannya. 10 inisiatif berada dalam kelompok kuadran A di mana tergolong dalam inisiatif yang mempunyai impak tinggi dan kompleksiti rendah. Manakala 10 pula berada dalam kelompok kuadran B di mana tergolong dalam inisiatif yang mempunyai impak tinggi dan kompleksiti tinggi.



**KOMPLEKSITI:** kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

**IMPAK:** kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

## KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 20 INISIATIF

BIL	TEMA	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	1.1.1.1	Melaksanakan pemantauan dalam pematuhan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB)	A	STRATEGI 1
2	1.1.1.2	Menyemak semula & menambahbaik proses kerja di dalam Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB)	A	STRATEGI 1
3	1.1.2.1 (1.1.2.2)	Memperkenalkan mekanisme Psikometrik Test kepada pegawai P&P bagi perjawatan Pengurusan Projek	A	STRATEGI 1
4	1.1.2.2 (1.1.2.3)	Memastikan <i>Knowledge Sharing</i> terhadap <i>Project Lesson Learnt</i>	A	STRATEGI 1
5	1.1.2.3 (1.1.2.4)	Melaksanakan analisis VO & EOT yang berpunca daripada rekabentuk bagi projek-projek yang telah laksanakan BIM dan PAP (KK2 dan KK3) menerusi metodologi BIM JKR.	B	STRATEGI 1
6	1.1.3.1	Melaksanakan kursus Pentadbiran Kontrak, kes tuntutan mahkamah dan penyediaan bayaran dalam projek.	A	STRATEGI 1
7	2.1.1.1	Melaksanakan Kursus Pengurusan Rekod Sulit dan Dokumen Terperingkat kepada pegawai yang terlibat dalam pengendalian maklumat sulit.	B	STRATEGI 2
8	2.2.1.1	Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan dalam kawalan penggunaan kemudahan kenderaan rasmi jabatan (KRJ).	B	STRATEGI 2
9	2.2.1.2	Pelaksanaan Kursus Pengurusan Kenderaan dan Pemanduan Berhemah dengan penambahbaikan modul mengenai integriti, tatakelola dan anti rasuah.	B	STRATEGI 2
10	2.3.1.1	Melaksanakan Kursus Pengurusan Aset.	B	STRATEGI 2
11	2.3.1.2	Melaksanakan program kepada pegawai asset berkaitan pengurusan aset alih.	B	STRATEGI 2

BIL	TEMA	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
12	3.2.1.2	Menyebarluaskan program kesedaran pengurusan kewangan melalui penganjuran kursus AKPK kepada semua pegawai	B	STRATEGI 3
13	3.4.1.1	Mengadakan program kesedaran yang melibatkan pendedahan berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuntutan palsu</li> <li>• Menggunakan pengaruh luar sebagai sokongan</li> <li>• Pemalsuan tandatangan dan dokumen</li> <li>• Kesalahan jenayah rasuah</li> <li>• Ikrar Bebas Rasuah (IBR)</li> </ul>	A	STRATEGI 3
14	3.5.1.1	Membuat hebahan secara berkala berkenaan dengan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelulusan Ke Luar Negara</li> <li>• Pengisytiharaan Harta setiap 5 tahun</li> <li>• Penyalahgunaan dadah</li> <li>• Etika Pemakaian</li> <li>• Polisi Penerimaan Hadiah</li> <li>• Gangguan seksual di tempat kerja</li> </ul>	A	STRATEGI 3
15	3.5.1.2	Melaksanakan Mystery Shopping berkaitan pematuhan kepada Garis Panduan dan Peraturan-Peraturan yang berkuatkuasa di JKR	A	STRATEGI 3
16	4.1.1.2	Mengadakan platform kepada warga JKR bersama pihak atasan melalui Majlis Amanat Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) dan Persidangan Pegawai-pegawai Kanan (SOC).	A	STRATEGI 4
17	4.2.1.1	Mengadakan hebahan atau peringatan Surat Arahan KP KR oleh Cawangan/JKR Negeri/Daerah secara berkala.	B	STRATEGI 4
18	5.1.1.1	Menambahbaik tatacara proses tapisan/pemilihan kontraktor secara lebih telus.	B	STRATEGI 5
19	5.1.1.4	Menambahbaik proses pemilihan perunding	B	STRATEGI 5
20	5.2.2.1	Menyebarluas mesej antirasuah dan memberi peringatan kepada semua pegawai berkaitan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998	A	STRATEGI 5

# PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN

BIDANG KEUTAMAAN		PENGURUSAN PROJEK		
STRATEGI : 1		MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PROJEK		
OBJEKTIF STRATEGIK : 1.1		MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PROJEK		
BIL	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Kelemahan mematuhi SOP sedia ada.	1.1.1.1 Melaksanakan pemantauan dalam pematuhan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB).	Bahagian Pengurusan Kualiti (BPK), CDPK	5 Tahun (2021-2025)
		1.1.1.2 Menyemak semula & menambahbaik proses kerja di dalam Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB).	Bahagian Pengurusan Kualiti (BPK), CDPK	5 tahun (2024-2025)
		1.1.1.3 Melaksanakan program bagi pematuhan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB).	Bahagian Pengurusan Kualiti (BPK), CDPK	5 tahun (2024-2025)
2.	Kelemahan pengurusan projek.	1.1.2.1 Melaksanakan Psikometrik Test kepada pegawai P&P (1.1.2.2) yang ditempatkan di Pasukan Projek.	Bahagian Pembangunan Skim Kejuruteraan (BPSK), CDPK	5 tahun (2024-2025)
		1.1.2.2 Memastikan <i>Knowledge Sharing</i> terhadap <i>Project Lesson Learnt</i> .	Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu (CPAB)	5 tahun (2024-2025)
		1.1.2.3 Melaksanakan analisis VO & EOT yang berpunca (1.1.2.4) daripada rekabentuk bagi projek-projek yang telah laksanakan BIM dan PAP (KK2 dan KK3) menerusi <i>methodologi</i> BIM JKR.	Cawangan Arkitek (CA)	5 tahun (2021-2025)
3.	Kelemahan mematuhi prosedur penyediaan bayaran.	1.1.3.1 Melaksanakan kursus Pentadbiran Kontrak, Kes Tuntutan Mahkamah dan Penyediaan Bayaran dalam projek.	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)	5 Tahun (2021-2025)

4.	Penyalahgunaan Kuasa dan Rasuah.	1.1.4.1 Memperkemas/menambahbaik sistem pengurusan aduan dan mempromosikan budaya kerja berintegriti berlandaskan <i>Whistle Blowing Policy</i> .	Bahagian Integriti (Bal), CDPK	5 Tahun (2021-2025)
----	----------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------	---------------------

BIDANG KEUTAMAAN		PENTADBIRAN		
STRATEGI : 2		MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN DAN KETELUSAN PENTADBIRAN		
OBJEKTIF STRATEGIK : 2.1		MEMANTAPKAN INTEGRITI PENGURUSAN MAKLUMAT		
BIL	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Ketirisan maklumat Sulit.	2.1.1.1 Melaksanakan Kursus Pengurusan Rekod Sulit dan Dokumen Terperingkat kepada pegawai yang terlibat dalam pengendalian maklumat sulit.	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)	5 Tahun (2021-2025)
		2.1.1.2 Mewajibkan semua pegawai baharu menghadiri program latihan berkaitan integriti, tadbir urus, antirasuah, pengurusan kewangan peribadi dan Keselamatan Dokumen dari Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (KPKK)	Bahagian Pembangunan Skim Kejuruteraan (BPSK), CDPK	5 Tahun (2021-2025)
		2.1.1.3 Membuat hebahan peringatan pematuhan perkara 150 (2.1.1.4) Bab 6 arahan keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) kepada semua cawangan/Negeri	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), CDPK	2 Tahun (2024-2025)
		2.1.1.4 Membuat hebahan berkenaan kesedaran Akta Rahsia (2.1.1.5) Rasmi 1972.	Bahagian Integriti (Bal), CDPK	5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN		PENTADBIRAN		
STRATEGI : 2		MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN DAN KETELUSAN PENTADBIRAN		
OBJEKTIF STRATEGIK : 2.2		MENINGKATKAN KETELUSAN DALAM PENGGUNAAN KEMUDAHAN KENDERAAN JABATAN		
BIL	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Salahguna kemudahan Kenderaan Jabatan.	2.2.1.1 Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan dalam kawalan penggunaan kemudahan kenderaan rasmi Jabatan (KRJ).	Bahagian Penyelarasaran & Khidmat Sokongan (BPKS), CDPK	5 Tahun (2021-2025)
		2.2.1.2 Pelaksanaan Kursus Pengurusan Kenderaan dan Pemanduan Berhemah dengan penambahbaikan modul mengenai integriti, tatakelola dan antirasuah.	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)	5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN		PENTADBIRAN		
STRATEGI : 2		MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN DAN KETELUSAN PENTADBIRAN		
OBJEKTIF STRATEGIK : 2.3		MEMANTAPKAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN ASET		
BIL	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Kehilangan Aset Milik Jabatan.	2.3.1.1 Melaksanakan Kursus Pengurusan Aset.	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)	5 Tahun (2021-2025)
		2.3.1.2 Melaksanakan program kepada pegawai aset berkaitan pengurusan aset alih.	Bahagian Penyelarasaran & Khidmat Sokongan (BPKS), CDPK	5 tahun (2021-2025)

		2.3.1.3 Memperkenalkan Sijil Penghargaan kepada Cawangan yang mengendalikan Pengurusan Aset Terbaik.	Bahagian Penyelarasian & Khidmat Sokongan (BPKS), CDPK	5 Tahun (2021-2025)
--	--	------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------	---------------------

BIDANG KEUTAMAAN		SUMBER MANUSIA		
STRATEGI : 3		MEMPERKASAKAN SISTEM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA		
OBJEKTIF STRATEGIK : 3.1		MEMBERI PENGITIRAFAN KEPADA PEGAWAI DALAM BIDANG PENGURUSAN DAN LATIHAN		
BIL	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Pegawai di Bahagian Pengurusan dan latihan tidak kompeten	3.1.1.1 Membangunkan/Program Pensijilan kompetensi <i>Business Administration</i> (Sumber Manusia, Pentadbiran Pejabat & Kewangan) dalam bidang pengurusan. * * *	BPSK dan BPSM	2 Tahun (2024-2025)
		3.1.1.2 Membangunkan program pensijilan kompetensi kepada pegawai latihan * * *	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)	2 Tahun (2024-2025)

BIDANG KEUTAMAAN		SUMBER MANUSIA		
STRATEGI : 3		MEMPERKASAKAN SISTEM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA		
OBJEKTIF STRATEGIK : 3.2		MENGAWAL KADAR KERBERHUTANGAN SERIUS DI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN JKR		
BIL	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Keberhutangan serius di kalangan pegawai dan kakitangan JKR.	3.2.1.1 Menyebarluaskan program kesedaran pengurusan (3.2.1.2) kewangan melalui penganjuran kursus AKPK kepada semua pegawai	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), CDPK	5 Tahun (2021-2025)

<b>BIDANG KEUTAMAAN</b>		<b>SUMBER MANUSIA</b>		
<b>STRATEGI : 3</b>		<b>MEMPERKASAKAN SISTEM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA</b>		
<b>OBJEKTIF STRATEGIK : 3.3</b>		<b>MENGUKUHKAN AKAUNTABILITI PENTADBIRAN JABATAN</b>		
<b>BIL</b>	<b>RISIKO</b>	<b>INISIATIF</b>	<b>PENERAJU</b>	<b>TEMPOH</b>
1.	Penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran jabatan	3.3.1.1 Membuat hebahan kesedaran berkaitan Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh Atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan 2010.	Bahagian Integriti (Bal), CDPK	5 Tahun (2021-2025)

<b>BIDANG KEUTAMAAN</b>		<b>SUMBER MANUSIA</b>		
<b>STRATEGI : 3</b>		<b>MEMPERKASAKAN SISTEM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA</b>		
<b>OBJEKTIF STRATEGIK : 3.4</b>		<b>MENINGKATKAN KETELUSAN PERKHIDMATAN DALAM JABATAN</b>		
<b>BIL</b>	<b>RISIKO</b>	<b>INISIATIF</b>	<b>PENERAJU</b>	<b>TEMPOH</b>
1.	Ruang dan peluang berlakunya risiko rasuah dikalangan pegawai.	3.4.1.1 Mengadakan program kesedaran yang melibatkan pendedahan berkaitan:- <ul style="list-style-type: none"><li>• Tuntutan palsu</li><li>• Menggunakan pengaruh luar sebagai sokongan</li><li>• Pemalsuan tandatangan dan dokumen</li><li>• Kesalahan jenayah rasuah</li><li>• Ikrar Bebas Rasuah (IBR)</li></ul>	Bahagian Integriti (Bal), CDPK	5 Tahun (2021-2025)
		3.4.1.2 Membuat hebahan berkaitan integriti (OACP, NACP, * SPAR, Saluran Aduan) di Media Sosial	Bahagian Komunikasi Korporat (BKK)	2 Tahun (2024-2025)

BIDANG KEUTAMAAN		SUMBER MANUSIA		
STRATEGI : 3		MEMPERKASAKAN SISTEM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA		
OBJEKTIF STRATEGIK : 3.5		MEMBERI PENDEDAHAN DAN HEBAHAN MENGENAI PERATURAN PEGAWAI AWAM YANG TELAH		
BIL	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Ketidakpatuhan pegawai mengenai Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.	3.5.1.1 Membuat hebahana secara berkala berkenaan dengan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelulusan Ke Luar Negara</li> <li>• Pengisytiharaan Harta setiap 5 tahun</li> <li>• Penyalahgunaan dadah</li> <li>• Etika Pemakaian</li> <li>• Polisi Penerimaan Hadiah</li> <li>• Gangguan seksual di tempat kerja</li> <li>• Keterhutangan serius</li> </ul>	Bahagian Integriti (Bal), CDPK	5 Tahun (2021-2025)
		3.5.1.2 Melaksanakan <i>Mystery Shopping</i> berkaitan pematuhan kepada Garis Panduan dan Peraturan-Peraturan yang berkuatkuasa di JKR.	Bahagian Integriti (Bal), CDPK	5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN		TADBIR URUS		
STRATEGI : 4		MEMPERKASAKAN KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN INTEGRITI ORGANISASI		
OBJEKTIF STRATEGIK : 4.1		MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK		
BIL	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Pengurusan komunikasi yang tidak berkesan dan kurang kerjasama.	4.1.1.1 Melaksanakan Kursus Pemantapan Organisasi dan Komunikasi berkesan.	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)	5 Tahun (2021-2025)
		4.1.1.2 Mengadakan platform kepada warga JKR bersama pihak atasan melalui Majlis Amanat Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) dan Persidangan Pegawai-pegawai Kanan (SOC).	Bahagian Sekretariat (BS), CDPK	5 Tahun (2021-2025)
		4.1.1.3 Melaksanakan kursus Penjadualan Projek dan Kursus * Best Practise in Project Management (CBAS) kepada kakitangan jabatan.	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)	2 Tahun (2024-2025)
		4.1.1.4 Menggunakan Pendekatan Media Sosial bagi mendekati (4.1.1.5) orang awam melalui <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Hari Integriti/ Bertemu Pelanggan</li> <li>ii. Program Semarak Integriti</li> <li>iii. Khidmat Nasihat Integriti</li> </ul>	Bahagian Integriti (Bal), CDPK	5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN		TADBIR URUS		
STRATEGI : 4		MEMPERKASAKAN KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN INTEGRITI ORGANISASI		
OBJEKTIF STRATEGIK : 4.2		MEREKAYASA PROSEDUR KERJA KE ARAH TADBIR URUS TERBAIK		
BIL	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Kecuaian pegawai dalam pematuhan SOP yang telah ditetapkan.	4.2.1.1 Mengadakan hebahan dan peringatan Surat Arahan KPKR oleh Cawangan/JKR Negeri/Daerah secara berkala.	Bahagian Integriti (Bal), CDPK	5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN		TADBIR URUS		
STRATEGI : 4		MEMPERKASAKAN KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN INTEGRITI ORGANISASI		
BIL	RISEKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Kelemahan dalam pengendalian Pentadbiran Kontrak dan Kewangan.	4.3.1.1 Mengadakan Kursus / Ceramah / Seminar/Program Lesson Learnt dua kali setahun.	Bahagian Integriti (Bal), CDPK	5 Tahun (2021-2025)
		4.3.1.2 Melaksanakan audit perjawatan bagi menentukan beban kerja pegawai-pegawai di JKR.	Bahagian Pembangunan Skim Kejuruteraan (BPSK), CDPK	5 Tahun (2021-2025)
		4.3.1.3 Melaksanakan Kursus Pemantapan Pegawai Pasukan Projek	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)	5 Tahun (2021-2025)
		4.3.1.4 Melaksanakan Program Naziran bagi memastikan (4.3.1.5) Pelaksanaan Kontrak FMM (Facilities Management and Maintenance) mematuhi syarat-syarat kontrak dan arahan semasa bagi skop pembayaran dalam kontak.	Cawangan Peracangan Aset Bersepadu (CPAB)	5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN		PEROLEHAN & KEWANGAN		
STRATEGI : 5		<b>MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN</b>		
OBJEKTIF STRATEGIK : 5.1		<b>MEMPERKUKUHKAN KERANGKA PEROLEHAN DALAMAN</b>		
BIL	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Ketidakpatuhan dalam proses perolehan.	5.1.1.1 Menambahbaik tatacara proses tapisan/pemilihan kontraktor secara lebih telus.	Cawangan Kerja Ukur Bahan (CKUB)	5 Tahun (2021-2025)
		5.1.1.2 Melaksanakan kursus-kursus yang melibatkan (5.1.1.3) perolehan.	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)	5 Tahun (2021-2025)
		5.1.1.3 Menambahbaik proses pemilihan perunding (5.1.1.4)	Cawangan Kerja Ukur Bahan (CKUB)	5 Tahun (2021-2025)
		5.1.1.4 Mencadangkan isu tatakelola yang berbangkit bagi * perolehan kerajaan kepada Jawatankuasa Tatakelola untuk dibincangkan semasa JTK	Cawangan Kerja Ukur Bahan (CKUB)	2 Tahun (2024-2025)

BIDANG KEUTAMAAN		PEROLEHAN & KEWANGAN		
STRATEGI : 5		<b>MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN</b>		
OBJEKTIF STRATEGIK : 5.2		<b>MENINGKATKAN KETELUSAN PEROLEHAN JABATAN, PENGURANGAN RISIKO RASUAH, PENYELEWENGAN PASARAN DAN ANTIPERSAINGAN</b>		
BIL	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH
1.	Kakitangan menerima habuan/ hadiah daripada kontraktor atau syarikat yang berkepentingan.	5.2.2.1 Menyebarluas mesej antirasuah dan memberi peringatan kepada semua pegawai berkaitan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998.	Bahagian Integriti (Bal), CDPK	5 Tahun (2021-2025)
		5.2.2.2 Membuat hebahan Whistle Blowing Policy (polisi pengurusan aduan dan perlindungan pemberi maklumat/saksi) dan mempromosikan budaya kerja integriti kepada semua warga jabatan.	Bahagian Integriti (Bal), CDPK	5 Tahun (2021-2025)

**PERBINCANGAN BAGI MEMURNIKAN INISIATIF, SASARAN DAN KESAN TERHADAP  
PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) BAGI CAWANGAN ARKITEK PADA 11-8-2023**



**PERBINCANGAN BAGI MEMURNIKAN INISIATIF, SASARAN DAN KESAN TERHADAP PELAN  
ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) BAGI CAWANGAN PERANCANG ASET DAN  
BANGUNAN (CPAB) PADA 17-8-2023**




**PERBINCANGAN BAGI MEMURNIKAN INISIATIF, SASARAN DAN KESAN TERHADAP  
PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) BAGI CAWANGAN KONTRAK DAN  
UKURBAHAN (CKUB) PADA 29-8-2023**



**PERBINCANGAN BAGI MEMURNIKAN INISIATIF, SASARAN DAN KESAN TERHADAP  
PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) BAGI PUSAT KECEMERLANGAN  
KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE) PADA 2-10-2023**



**PERBINCANGAN BAGI MEMURNIKAN INISIATIF, SASARAN DAN KESAN TERHADAP  
PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) BAGI CAWANGAN DASAR DAN  
PENGURUSAN KORPORAT (CDPK) PADA 22-8-2023**



**MESYUARAT PENYELARASAN INISIATIF PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JKR  
MALAYSIA (OACP) 2021-2025 PADA 15 DISEMBER 2023**



# **BAB 3**

# **KESIMPULAN**

## **KESIMPULAN**

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Kerja Raya 2021-2025 telah dibangunkan selaras dengan inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi mendukung usaha pemantapan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan. Laporan Kajian semula separuh penggal dikeluarkan pada tahun 2024.

Matlamat Laporan Kajian semula separuh penggal OACP ini adalah bertujuan untuk memastikan agenda pencegahan rasuah jabatan dilaksanakan secara berterusan dan ditambahbaik bagi inisiatif yang telah mencapai tahap matang. Laporan Kajian semula separuh penggal ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Pengurusan Tertinggi pada 20 Mac 2024 dengan sokongan penuh daripada semua pemegang taruh yang berkaitan bagi menangani permasalahan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.

JKR amat komited untuk memastikan sistem pentadbiran jabatan dapat bergerak dengan berkesan serta bebas daripada ancaman rasuah bersandarkan prinsip integriti, akutabiliti dan ketelusan sekaligus meningkatkan imej jabatan yang bersih dan berintegriti.

Pelaksanaan semua inisiatif yang telah dikenalpasti akan dipantau dan dikaji semula secara berkala bagi memastikan keberkesanan OACP ini. Pemantauan dan penilaian bertujuan memastikan setiap tindakan yang diambil memenuhi jangkaan dan matlamat OACP.

Kesimpulannya, Laporan Kajian Semula Separuh Penggal OACP ini akan menjadi alat pengukur bagi membolehkan pengurusan tertinggi jabatan dalam menilai dan mengenalpasti pencapaian JKR dalam usaha antirasuah dan integriti. Pelan ini diharap akan mengurangkan salah laku yang melibatkan integriti dan rasuah di kalangan warga jabatan seterusnya ke arah jabatan bersih dan bebas rasuah.

## **PENGHARGAAN**

### **Pengurusan Tertinggi**

**DATO' IR. HJ. BADIOEZAMAN BIN AB KHALIK (Menjalankan Tugas)**  
Ketua Pengarah Kerja Raya

**DATO' IR. HAJI IBRAHIM BIN ESA (Menjalankan Tugas)**  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Infra)

**DATO' IR. HJ. BADIOEZAMAN BIN AB KHALIK**  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Bangunan)

**DATUK Sr AMRAN BIN HJ. MOHD MAJID**  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Pakar)

### **Peneraju**

**Dato' Ir. Haji Masri Bin Baharuddin**  
CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT

**Dato' Ir. Roslan Bin Ismail**  
CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU

**Ar. Sharina Intan Bin Abdullah (Menjalankan Tugas)**  
CAWANGAN ARKITEK

**Sr Noraisah Binti Kadirin (Menjalankan Tugas)**  
CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN

**Ir. Mohd Shahrom Bin Ahmad Saman**  
PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR  
(CREaTE)

**AHLI JAWATANKUASA PENYELARAS KAJIAN SEMULA SEPARUH PENGGAL OACP PADA  
15 DISEMBER 2023**

BIL	NAMA	JAWATAN	CAWANGAN
1.	YBHG. DATO' IR. HJ. MASRI BIN BAHARUDDIN	PENGERUSI	CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT
2.	MOHD NIZAM BIN DIN	TIMBALAN PENGERUSI	CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT
3.	Ir. NOR AZNITA BINTI YUSOF	KETUA BAHAGIAN	BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
4.	TEE GET LIEN	KETUA BAHAGIAN	BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
5.	Ir. JANARI BIN SAKELI	KETUA BAHAGIAN	BAHAGIAN PEMBANGUNAN SKIM KEJURUTERAAN
6.	MAIMUNAH BT ZAKARIAH	KETUA BAHAGIAN	BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT DAN STRATEGIK
7.	NOOR AINY BINTI BURHANUDIN	ARKITEK PENGUASA KANAN,	CAWANGAN ARKITEK
8.	Sr SUHAILA BINTI SULAIMAN	JURUUKUR BAHAN PENGUASA KANAN,	CREaTE
9.	Ir. JUSMAIROMAIZANI BINTI JUSOH	JURUTERA AWAM PENGUASA,	CREaTE
10.	MUZAMMIL BIN MUSA	JURUTERA MEKANIKAL PENGUASA, CPAB	CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU
11.	HASNIZA BINTI MOHAMAD RAMLY	JURUUKUR BAHAN PENGUASA	CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN
12.	LENNY SHERMY BINTI JASMIN	JURUTERA AWAM KANAN, CPAB	CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU
13.	NORHAYANA BINTI OMAR	JURUTERA AWAM KANAN, Bal	BAHAGIAN INTEGRITI
14.	SOFIAN BIN ABU KASSIM	JURUTERA AWAM KANAN, Bal	BAHAGIAN INTEGRITI
15.	AZIZAN BIN ZAINAL	JURUTERA AWAM KANAN, Bal	BAHAGIAN INTEGRITI
16.	Ir. SUHAFENDI BIN SULONG	JURUTERA AWAM KANAN, BPSK	BAHAGIAN PENGURUSAN SKIM KEJURUTERAAN
17.	NUR AKIDAH BINTI ZAHARI	PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK, BPKS	BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT DAN STRATEGIK
18.	MUHAMMAD NUH BIN AHMAD ZAIRI	JURUTERA AWAM, BPK	BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI
19.	MOHAMAD FAIRUZ BIN ISHAK	JURUTERA ELEKTRIK, BS	BAHAGIAN SEKRETARIAT
20.	NUR SYAZWANI BINTI JAMALUDDIN	JURUTERA AWAM, Bal	BAHAGIAN INTEGRITI
21.	NUR AFIQAH BINTI AZMAR	JURUTERA AWAM, Bal	BAHAGIAN INTEGRITI
22.	FATIN NABIHAH BINTI SUHAIME	PENOLONG JURUTERA AWAM, Bal	BAHAGIAN INTEGRITI

**PERBINCANGAN BAGI MEMURNIKAN INISIATIF, SASARAN DAN KESAN TERHADAP PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP), CAWANGAN ARKITEK PADA 11-8-2023**

BIL	NAMA	CAWANGAN
1.	DATIN Ar. YONG RAZIDAH BINTI RASHID	PENGARAH KANAN CAWANGAN ARKITEK
2.	MOHD NIZAM BIN DIN	KETUA BAHAGIAN INTEGRITI, Bal, CDPK
3.	NOOR ANY BINTI BURHANUDDIN	ARKITEK PENGUASA KANAN, CAWANGAN ARKITEK
4.	Ar. MOHD BUKHARI BIN A. RAZAK	ARKITEK KANAN, CAWANGAN ARKITEK
5.	NURUL AKMAR BINTI MOHD SALEH	ARKITEK KANAN, CAWANGAN ARKITEK
5.	Hj. AIDI BIN Hj.ABU KASSIM	ARKITEK, CAWANGAN ARKITEK
7.	Ir. SHARIFAH DZAIN BINTI SYED YUSOF	JURUTERA MEKANIKAL KANAN, Bal, CDPK
8.	NORHAYANA BINTI OMAR	JURUTERA AWAM KANAN, Bal, CDPK
9.	NUR SYAZWANI BINTI JAMALUDDIN	JURUTERA AWAM, Bal, CDPK
10.	NUR AFIQAH BINTI AZMAR	JURUTERA AWAM, Bal, CDPK

**PERBINCANGAN BAGI MEMURNIKAN INISIATIF, SASARAN DAN KESAN TERHADAP PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP), CAWANGAN PERANCANG ASET DAN BANGUNAN (CPAB) PADA 17-8-2023**

BIL	NAMA	CAWANGAN
1.	Ir. HAJJAH ATIKAH BINTI ZAKARIA @ YA	PENGARAH CPAB
2.	NORANIZA BINTI MOHAMAD YUSOF	JEPK, CPAB
3.	AZRUL HANIF BIN AB HALIM	JAK, CPAB
4.	ABDUL AZIZ BIN A. WAHAB	JEK, CPAB
5.	Ir. FAUZI BIN MAT	JAP, CPAB
6.	MOHD NIZAM BIN DIN	KETUA BAHAGIAN INTEGRITI, Bal, CDPK
7.	NORHAYANA BINTI OMAR	JURUTERA AWAM KANAN, Bal, CDPK
8.	NUR SYAZWANI BINTI JAMALUDDIN	JURUTERA AWAM, Bal, CDPK
9.	NUR AFIQAH BINTI AZMAR	JURUTERA AWAM, Bal, CDPK

**PERBINCANGAN BAGI MEMURNIKAN INISIATIF, SASARAN DAN KESAN TERHADAP PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP), CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT (CDPK) PADA 22-8-2023**

BIL	NAMA	CAWANGAN
1.	MOHD NIZAM BIN DIN	KETUA BAHAGIAN INTEGRITI, Bal, CDPK
2.	TEE GET LIEN	PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK, BPSM
3.	NORAZMI BIN BAKAR	JEP, BKK, CDPK
4.	MAIMUNAH BINTI ZAKARIA	JAP, BPKS, CDPK
5.	MOHD FAIRUZ BIN ISHAK	JEK, BS, CDPK
6.	Ir. SUHAFENDI BIN SULONG	JAK, BPSK, CDPK
7.	HAFIZAH BINTI AHMAD	PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK, BPSM
8.	NOOR HAFIZA BINTI DAHALIM	JAP, BPK, CDPK
9.	Ir. SHARIFAH DZAIN BIN SYED YUSOF	JURUTERA MEKANIKAL KANAN, Bal, CDPK
10.	NORHAYANA BINTI OMAR	JURUTERA AWAM KANAN, Bal, CDPK
11.	NUR SYAZWANI BINTI JAMALUDDIN	JURUTERA AWAM, Bal, CDPK
12.	NUR AFIQAH BINTI AZMAR	JURUTERA AWAM, Bal, CDPK

**PERBINCANGAN BAGI MEMURNIKAN INISIATIF, SASARAN DAN KESAN TERHADAP PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP), CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN (CKUB) PADA 29-8-2023**

BIL	NAMA	CAWANGAN
1.	MOHD NIZAM BIN DIN	KETUA BAHAGIAN INTEGRITI, Bal, CDPK
2.	Sr SHAKIRAH BINTI ZAINUDDIN	PI, CKUB
3.	NORLIZAWATI BINTI CHE YA	PPI, CKUB
4.	Sr AZLIN BINTI AHMAD ZAINI	UNIT KUALITI BPKS CKUB
5.	ALIANI NAZIRAH BINTI MAMAT	UNIT KUALITI BPKS CKUB
6.	Ir. SHARIFAH DZAIN BIN SYED YUSOF	JURUTERA MEKANIKAL KANAN, Bal, CDPK
7.	NORHAYANA BINTI OMAR	JURUTERA AWAM KANAN, Bal, CDPK
8.	NUR SYAZWANI BINTI JAMALUDDIN	JURUTERA AWAM, Bal, CDPK
9.	NUR AFIQAH BINTI AZMAR	JURUTERA AWAM, Bal, CDPK

**PERBINCANGAN BAGI MEMURNIKAN INISIATIF, SASARAN DAN KESAN TERHADAP PELAN  
ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP), PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN  
TEKNOLOGI JKR (CREaTE) PADA 2-10-2023**

BIL	NAMA	CAWANGAN
1.	MOHD NIZAM BIN DIN	KETUA BAHAGIAN INTEGRITI, Bal, CDPK
2.	Sr SUHAILA BINTI SULAIMAN	JURUUKUR BAHAN PENGUASA KANAN, CREaTE
3.	IR. JUSMAIROMAIZANI BINTI JUSOH	JURUTERA AWAM PENGUASA, CREaTE
4.	SHARIFAH DZAIN BINTI SYED YUSOF	JURUTERA MEKANIKAL KANAN, Bal, CDPK
5.	NORHAYANA BINTI OMAR	JURUTERA AWAM KANAN, Bal, CDPK
6.	NUR SYAZWANI BINTI JAMALUDDIN	JURUTERA AWAM, Bal, CDPK
7.	NUR AFIQAH BINTI AZMAR	JURUTERA AWAM, Bal, CDPK

## **PASUKAN PENYUNTING**

### **BAHAGIAN INTEGRITI, CDPK JKR MALAYSIA**



## **SINGKATAN**

1. OACP	<i>Organisation Anti Corruption Plan</i>
2. JKR	<b>Jabatan Kerja Raya</b>
3. PWD	<i>Public Works Department</i>
4. SPRM	<b>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia</b>
5. NACP	<i>National Anti Corruption Plan</i>
6. KPKR	<b>Ketua Pengarah Kerja Raya</b>
7. CelIO	<i>Certified Integrity Officer</i>
8. PIN	<b>Pelan Integriti Nasional</b>
9. GTP	<i>Government Transformation Plan</i>
10. PIO	<b>Pelan Integriti Organisasi</b>
11. IBR	<b>Ikrar Bebas Rasuah</b>
12. CRM	<b>Corruption Risk Management</b>
13. LKAN	<b>Laporan Ketua Audit Negara</b>
14. JKSD	<b>Jawatankuasa Siasatan Dalam</b>
15. BIM	<i>Building Information Modeling</i>
16. PAP	<i>Pre-Approved Plan</i>
17. SPB	<b>Sistem Pengurusan Bersepadu</b>
18. P&P	<b>Pengurusan dan Professional</b>
19. PPR	<b>Pelan Pengurusan Risiko</b>
20. SOP	<i>Standard Operation Procedure</i>
21. CV	<b>Curriculum Vitae</b>
22. SOC	<b>Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan</b>
23. ESI	<b>Kajian Kepuasan Kakitangan</b>
24. SO	<b>Pegawai Penguasa</b>
25. S3PK	<b>Sistem Pengurusan Perolehan dan Pemantauan Kerja</b>
26. CDPK	<b>Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat</b>
27. CPAB	<b>Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu</b>
28. CA	<b>Cawangan Arkitek</b>
29. CKUB	<b>Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan</b>
30. CREaTE	<b>Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan &amp; Teknologi JKR</b>
31. BPSM	<b>Bahagian Pengursuran Sumber Manusia</b>
32. Bal	<b>Bahagian Integriti</b>
33. BPSK	<b>Bahagian Pembangunan Skim Kejuruteraan</b>
34. BKK	<b>Bahagian Komunikasi Korporat</b>
35. BPK	<b>Bahagian Pengurusan Kualiti</b>
36. BPKS	<b>Bahagian Penyelaras dan Khidmat Sokongan</b>
37. BS	<b>Bahagian Sekretariat</b>